


Headline	Projek pengukuhan bekalan elektrik Pulau Pinang solusi lestari		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	835 cm ²	Journalist	Siti Aminah Mohd
PR Value	RM 83,266		



Projek pengukuhan bekalan elektrik Pulau Pinang solusi lestari

Projek pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai bidang di Pulau Mutiara

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Melalui Sambungtara Talian Atas yang dibangunkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dilihat mampu menjamin keperluan bekalan elektrik di seluruh Pulau Pinang dalam jangka masa panjang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, menyifatkan projek terbabit amat bermakna dalam usaha mengekalkan kestabilan bekalan elektrik di Pulau Mutiara, sekali gus menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai bidang termasuk perindustrian, pembangunan infrastruktur, pengangkutan dan pelancongan.

"Saya difahamkan bahawa lebih 2,000 megawatt (MW) kapasiti tenaga diperlukan sekiranya Pulau Pinang mahu membangun dengan kadar lebih pesat lagi daripada prestasinya sekarang.

"Bagi kerajaan negeri, projek ini adalah pemangkin kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang selaras

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang sudah menggariskan aspek pembangunan secara komprehensif, serba lengkap dan menyeluruh.

"Pelan berkenaan meliputi penyusunan pembangunan fizikal termasuk rangkaian perhubungan jalan raya, pengangkutan awam, meningkatkan kapasiti pelabuhan serta lapangan terbang selain membabitkan tebus guna tanah untuk tujuan pembangunan penempatan dan komersial," katanya.

Ambil kira kewajaran kos

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Baharin Din, berkata pelaksanaan projek terbabit menyaksikan kapasiti penghantaran tenaga elektrik jauh lebih tinggi berbanding menerusi kaedah kabel bawah jambatan dan kabel dasar laut.

Justeru, dengan pembinaan projek berkenaan ia adalah solusi paling lestari dalam usaha menyalurkan bekalan elektrik

dari Grid Nasional ke bahagian pulau.

"Ia turut mengambil kira aspek kewajaran kos, keselamatan, kecekapan dan kestabilan bekalan termasuk dari segi kepastan mengesan sebarang kerosakan atau gangguan," jelasnya.

Yang turut menyokong usaha berkenaan, EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Pembangunan Digital Pulau Pinang, Zairil Khir Johari, mendedahkan talian ini membabitkan enam menara ikonik dan 25 menara monopole yang didirikan bersebelahan Jambatan Pulau Pinang pada akhir 2024 yang mana ini juga dapat dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancongan bagi negeri Pulau Pinang pada tahun hadapan.

"Kami pada peringkat kerajaan negeri sering mendapat perkembangan status terkini projek secara berkala daripada wakil-wakil TNB," katanya.

Mengulas persoalan sama ada pihaknya akan memantau projek berkenaan selain langkah

yang diambil dalam mengatasi impak persekitaran Zairil memberi jaminan bahawa projek itu akan dipantau sepenuhnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang selain beberapa lagi agensi kerajaan.

Tambahnya, TNB turut memainkan peranan penting menerusi beberapa langkah kawalan mitigasi demi melestarikan alam sekitar sementelah beliau difahamkan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) projek itu sudah diluluskan Jabatan Alam Sekitar selain mendapat Kebeharuan Merancang daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD).

Keperluan industri moden

Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik di Pulau Pinang sebelum ini dilancarkan Kon Yeow pada 15 September 2022 adalah sebahagian daripada pelaburan berterusan TNB untuk membangunkan serta memodenkan Grid Nasional menjadi grid pin-

tar yang stabil serta berdaya harap dalam memenuhi keperluan industri moden di kawasan pulau.

Sebagai pencerahan, kerja pembinaan menara di dalam air tidak akan memberi impak kepada lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang, manakala impak ekologi dasar laut juga adalah lebih rendah berikutan jumlah 'carbon footprint' atau jejak karbon tapak menara atas laut jauh lebih kecil berbanding jajaran kabel dasar laut.

Malah, TNB turut tidak melupakan tanggungjawab kepada golongan yang terkesan dengan projek berkenaan membabitkan komuniti nelayan kelas Zon Konservasi dan Kelas Zon A memandangkan kerja pembinaan menara talian yang selari dengan Jambatan Pulau Pinang menyebabkan kawasan tangkapan nelayan terpaksa dihadkan dengan mereka perlu mengubah kawasan pengoperasian masing-masing.

Kon Yeow sendiri hadir pada 14 Oktober 2023 ketika TNB menyampaikan sumbangan kepada persatuan nelayan yang mewakili 86 tekong dan 25 awak-awak yang terbabit dalam kawasan projek berkenaan. Ia membabitkan Unit Nelayan Batu Uban dan Gelugor.



Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang

“Bagi kerajaan negeri, projek ini adalah pemangkin kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang selaras Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang sudah menggariskan aspek pembangunan secara komprehensif, serba lengkap dan menyeluruh”



Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Melalui Sambungtara Talian Atas dibangunkan TNB.